

21/11/1998

Jabatan kerajaan pindah Februari

KUALA LUMPUR, Jumaat - Perpindahan jabatan kerajaan ke pusat pentadbiran baru di Putra Jaya dijadual bermula pada Februari depan, kata Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali.

Menurut beliau, perpindahan itu dilakukan secara berperingkat dan sebuah jabatan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) akan menjadi jabatan pertama berpindah ke pusat pentadbiran itu.

"Pejabat Perdana Menteri pula dijangka dipindahkan ke situ sekitar April," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Kualiti 1998 peringkat JPM di sini, hari ini.

Menurut beliau, proses pemindahan semua jabatan di JPM dijangka selesai pada penghujung tahun ini.

Mengenai cuti pada Sabtu setiap bulan dalam perkhidmatan awam seperti yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sewaktu membentangkan Belanjawan 1999 Oktober lalu, Abdul Halim berkata, ia masih belum ditetapkan.

Sebelum ini, ada pihak meminta agar cuti itu ditetapkan pada Sabtu minggu pertama setiap bulan dan ada pula mahukan pada Sabtu minggu terakhir.

(END)